

29/03/2000

Pengundi perlu buat pilihan terbaik

Kapt (B) Abdul Rahmat Omar

SAYA terdorong menulis surat ini kerana pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (Dun) Sanggang, Pahang akan diadakan beberapa hari saja lagi. Adalah diharap surat ini dapat membantu menyedar dan mengingatkan pengundi di Sanggang khususnya, betapa pentingnya kita meneruskan tradisi yang ada kini.

Kita pernah dijajah selama 446 tahun lamanya. Orang Melayu yang dikenali sebagai masyarakat maritim yang maju dan bahasanya menjadi lingua franca pedagang antarabangsa hilang identitinya dan berada dalam keadaan daif. Ketika penjajahan British di Tanah Melayu, kita dapat saksikan betapa mudahnya orang Melayu ditipu hingga menyerahkan tanah tumpah darah sendiri kepada penjajah.

Pendidikan formal yang diberikan kepada orang Melayu hanyalah setakat untuk membolehkan mereka menjadi kerani untuk membantu pentadbiran British di Tanah Melayu. Tiada klinik di desa dan kadar kematian bayi orang Melayu paling tinggi. Pada 1930, satu bancian diadakan dan buat pertama kalinya dalam sejarah, orang Melayu telah menjadi kaum minoriti di bumi sendiri.

Pada 1946, British cuba mencuri tanah air kita dengan memaksa raja-raja Melayu menerima Malayan Union. Ini ditentang oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu termasuklah yang dianggotai Allahyarham Datuk Onn Jaafar dan juga Perdana Menteri kita sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pertubuhan-pertubuhan ini kemudiannya bergabung dan dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno). Inilah pertubuhan yang memperjuangkan kemerdekaan kita selama 11 tahun lamanya.

Di bawah kerajaan yang dipimpin oleh Almarhum Tuanku Abdul Rahman, kadar kematian bayi Melayu yang baru lahir dapat dikurangkan dengan diperkenalkan klinik ke desa dan jalan raya dibina menghubungkan kampung orang Melayu dengan bandar. Ketika itu negara kita terlalu baru, tidak sekaya sekarang.

Tunku mengurangkan belanja pertahanan dan keselamatan dalam negeri untuk membina klinik dan sekolah di desa-desa. Hasilnya, anak-anak Melayu lebih berpelajaran dan banci pada 1970 menunjukkan orang Melayu sekali lagi menjadi kaum majoriti selepas 40 tahun menjadi minoriti.

Kini hampir 43 tahun merdeka, kita dapat saksikan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN). Rumah-rumah orang asal juga kini mempunyai peti televisyen dan sekolah juga wujud di kampung mereka, walaupun tidak semua. Apa yang menakjubkan, dalam keadaan mereka yang masih serba kekurangan jika dibandingkan dengan penduduk di bandar, mereka tetap berterima kasih kepada orang yang membawa kemajuan kepada mereka.

Lain pula dengan masyarakat bandar yang alpa dengan kemewahan. Rata-rata mereka yang membantah terhadap kerajaan adalah mereka yang apabila celik, melihat lebuh raya-lebuh raya. Mereka tidak tahu betapa seksanya pada awal tahun 1970-an untuk kami sekeluarga pulang ke kampung emak saya di Benta, Pahang; atau betapa lamanya perjalanan dengan kereta untuk saya pulang ke Kuala Kangsar di mana saya belajar.

Mereka tidak tahu bahawa 15 tahun dahulu, Kuala Lumpur yang kini dikenali serata dunia hasil usaha Perdana Menteri kita sekarang, hanyalah suatu bahan jenaka yang setaraf dengan suatu tempat bernama Timbuktu. Saya masih ingat satu rancangan Television BBC iaitu Wogan sekitar awal 1980-an.

Dalam rancangan itu, pengacara membuat jenaka kononnya menerima bil telefon yang tidak munasabah kerana membuat panggilan antarabangsa ke suatu tempat bernama Kuala Lumpur. Semua penonton di studio ketawa besar ketika itu. Kini, merekalah orang yang berpusu-pusu ke tempat yang mereka ketawakan itu untuk menimba rezeki.

Bagaimanapun, Pahang khususnya di kawasan Sanggang, Mentakab dan Temerloh, semuanya membangun dengan pesatnya. Banyak kawasan perindustrian dibangunkan yang sejumlah besar pekerjanya dari negeri di timur laut Semenanjung.

Lihat sajalah antara Benta dan Jerantut. Loghat daerah di situ semakin pupus kerana kebanyakan penduduk bertutur dalam loghat negeri berjiranan. Mungkin kerana kemajuan dan peluang yang ada di Pahang lebih baik dari apa yang dapat disediakan di negeri sendiri membuat mereka berhijrah.

Apapun, saya harap pengundi di DUN Sanggang membuka mata dan minda mereka dengan luas. Buatlah pilihan yang baik. Ia bukannya untuk kita, tetapi untuk anak cucu kita di kemudian hari. Janganlah kemunduran minda dijadikan pilihan. Sebagai orang Islam, kemajuanlah yang sepatutnya dikejar. Oleh itu, kekalkan tradisi yang ada kini.